

Aktiviti sukan dan rekreasi boleh dilaksanakan sepenuhnya tanpa had - Ahmad Faizal

April 1, 2022 @ 7:49pm



(Gambar fail) Foto hiasan - NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

KUALA LUMPUR: Aktiviti sukan dan rekreasi kini boleh dilaksanakan sepenuhnya tanpa terikat kepada had tertentu, selaras fasa peralihan ke endemik mulai hari ini.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, dalam satu kenyataan dikeluarkan kementerian itu, berkata meskipun dibuka sepenuhnya, sektor sukan dan rekreasi masih tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Kementerian Kesihatan (KKM).

Beliau berkata, antara kemudahan baharu bawah sektor sukan dan rekreasi ialah tiada had kapasiti penyertaan bagi aktiviti berkumpulan serta penganjuran sebarang pertandingan mahupun acara sukan dan rekreasi.

"Ia bagaimanapun tertakluk kepada kemampuan mengekalkan penjarakan fizikal sebelum dan selepas aktiviti atau acara diadakan," katanya.

Seterusnya, kemudahan baharu turut membabitkan tiada had kapasiti kehadiran penonton ke venue sukan dan rekreasi, tertakluk kepada penjarakan fizikal yang munasabah mengikut ruang tempat duduk.

Ahmad Faizal berkata, pembukaan sektor sukan dan rekreasi itu bagaimanapun terhad bagi individu yang sudah lengkap vaksinasi serta individu yang sekurang-kurangnya telah lengkap imunisasi dos primer.

"Bagaimanapun bagi pengembara dari luar negara yang akan memasuki Malaysia, mereka perlu mengikuti SOP ditetapkan, iaitu hanya pengembara yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan menikmati kemudahan bawah sektor sukan dan rekreasi.

"Orang ramai juga boleh merujuk kepada garis panduan #ReopeningSafely berkaitan aktiviti dan fasiliti sukan, rekreasi serta riadah bagi tujuan mengenal pasti dan penilaian risiko," katanya. – BERNAMA